



# KENYATAAN MEDIA

## MENTERI PERPADUAN NEGARA

### PERANAN KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA DALAM MENGURUS ISU PERPADUAN

Saya mengambil maklum pandangan, cadangan, dan kritikan membina yang dikemukakan oleh Prof. James Chin berhubung dengan kerelevan Kementerian Perpaduan Negara.

Pada tahun 2024, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah melaksanakan sebanyak 730 program yang merangkumi kluster Semarak Perpaduan, Semarak Kenegaraan dan Komuniti Rahmah. Pelaksanaan pelbagai program ini bertindak sebagai tapak integrasi nasional yang dapat meningkatkan interaksi antara rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama. Kementerian ini sentiasa melaksanakan apa jua perkara berlandaskan Dasar Perpaduan Negara yang berfungsi sebagai landasan utama dalam penyediaan polisi dan pelaksanaan program, malah ia juga berperanan sebagai pemandu kepada semua usaha-usaha dalam memastikan negara ini terus harmoni, aman, dan sejahtera. Komitmen kami adalah untuk memastikan segala inisiatif yang dilaksanakan melalui kementerian ini sentiasa menepati keperluan dan aspirasi rakyat Malaysia dalam memupuk perpaduan yang berterusan, merentasi pelbagai kaum dan budaya.

Berhubung pertanyaan Prof James Chin mengenai pengurusan isu perpaduan, **saya ingin menegaskan bahawa pengurusan isu perpaduan negara sentiasa diberikan tumpuan yang serius oleh saya dan pihak Kementerian**. Pada tahun ini, saya telah meminta **Kementerian menukuasakan Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan (JPIP)** yang dipengerusikan oleh **Ketua Setiausaha Kementerian** bagi meneliti kesemua inisiden atau isu perpaduan yang berlaku di negara ini. Penubuhkan JPIP ini juga akan membolehkan KPN bertindak pantas dalam memberikan maklum balas dan nasihat kepada rakyat Malaysia. Untuk makluman, **keahlian JPIP ini adalah terdiri daripada wakil Kementerian Perpaduan Negara, Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Dalam Negeri, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Komunikasi, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Pendidikan, Southeast Asia Regional Centre For Counter-terrorism, Kementerian Belia dan Sukan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Institut Kefahaman Islam Malaysia dan beberapa ahli akademik**. Mesyuarat pertama JPIP telah dilaksanakan pada bulan Januari yang lalu.

Selain JPIP, Kementerian juga telah melaksanakan pelbagai usaha dan inisiatif dalam mengurus isu perpaduan, antaranya pelaporan melalui sistem eSepakat, penubuhan lapan buah pusat mediasi komuniti, pelantikan 571 mediator komuniti, pemantauan melalui Dashboard Analistik Perpaduan serta pandangan melalui dua jawatankuasa utama iaitu Majlis Penasihat Perpaduan Negara dan JK HARMONI.

**Kementerian Perpaduan Negara akan terus memperkuuhkan usaha untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai kepentingan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.** Melalui program-program yang bersifat inklusif dan berkesan, kami akan sentiasa memastikan perpaduan negara terus dipelihara dan diperkuuh, dengan mengambil kira kepelbagaian etnik, budaya, dan agama yang menjadi asas kekuatan negara kita. Malah, bagi memberikan tumpuan dalam perihal meningkatkan keharmonian antara penganut agama di Malaysia, saya telah menetapkan **Harmoni Dalam Kepelbagaian sebagai tema Kementerian** pada tahun ini.

Saya sentiasa terbuka untuk menerima pandangan dan cadangan membina yang semua pihak tidak kira wakil rakyat, ahli akademik, pihak swasta mahupun inidividu. Oleh itu, **saya sudi untuk bertemu dengan mana-mana pihak yang inginkan penjelasan mengenai fungsi Kementerian atau membincangkan isu-isu perpaduan di negara ini.** Perpaduan adalah tanggungjawab semua pihak, bukan hanya kerajaan. Ia memerlukan penglibatan aktif daripada setiap lapisan masyarakat, termasuk sektor swasta, badan bukan kerajaan (NGO), dan individu-individu dalam masyarakat. Hanya dengan kerjasama dan komitmen bersama, kita dapat memastikan perpaduan negara terus dipelihara dan diperkuuh, serta mencapai matlamat negara untuk kemakmuran dan kestabilan jangka panjang.

**YB DATUK AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA  
9 FEBRUARI 2025**